

LESEN KATEGORI C : KELULUSAN SERTA MERTA

Majlis Perbandaran Subang Jaya

Garis Panduan
Permohonan Lesen
**LESEN SERTA
MERTA**

Pendahuluan

- Aktiviti perniagaan bagi Lesen Serta Merta diklasifikasikan dibawah Lesen kategori C. Lesen kategori ini adalah lesen yang boleh diluluskan pada hari yang sama permohonan dikemukakan. Ia dikenali sebagai lesen serta-merta. Pemohon perlu menjelaskan bayaran lesen pada hari yang sama setelah permohonan diluluskan. Hanya permohonan yang lengkap sahaja yang akan diproses
- Aktiviti perniagaan bagi lain-lain kategori lesen serta merta ini dilesenkan dibawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPSJ 2007 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan MPSJ 2007
- Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan tanpa lesen (UUKPTP&P MPSJ 2007)
“Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian atau menggunakan mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis bagi apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen”
- Pemeriksaan premis oleh pegawai melesen akan dijalankan dalam tempoh dua (2) bulan selepas lesen serta merta dikeluarkan. Pemegang lesen perlu mematuhi syarat-syarat seperti yang terkandung di dalam surat kelulusan lesen serta merta dan syarat-syarat pematuhan lesen sebelum pemeriksaan premis dijalankan

Kaedah Permohonan

- Perlu melengkapkan borang permohonan lesen perniagaan dan Iklan MPSJ KP – 01/01 (borang boleh didapati dengan memuat turun dari Laman web MPSJ: www.mpsj.gov.my atau di Kaunter Ibupejabat MPSJ)
- Dokumen yang telah lengkap hendaklah didaftarkan di Kaunter Bersepadu Aras 1, Ibu Pejabat MPSJ
- Sekiranya terdapat sebarang ubahsuai melibatkan pecahan dinding, binaan penutup longkang, binaan *ramp*, binaan *awning* pemohon perlu mendapatkan kelulusan/permit daripada Jabatan Bangunan MPSJ
(Permohonan masih boleh dikemukakan sementara menunggu kelulusan/permit teknikal yang lain)

- Melampirkan dokumen seperti senarai semak di dalam borang permohonan lesen perniagaan dan Iklan seperti berikut:

1. Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Iklan	
2. Satu (1) Salinan Kad Pengenalan (warganegara) atau salinan butiran maklumat Pasport dan Visa Dagang (bukan warganegara). Salinan perlu dipalang dan ditulis "Urusan MPSJ sahaja"	
3. Satu (1) Keping Gambar Berukuran Pasport (dilekatkan di Borang Permohonan)	
4. Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (Borang 9, Borang 24, Borang 49 serta Memorandum & Artikel Persatuan) mengikut Akta Pendaftaran Syarikat 1965	
5. Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (Borang 13, Borang 24, Borang 49 serta Memorandum & Artikel Persatuan) mengikut Akta Pendaftaran Syarikat 1965 bagi pertukaran nama syarikat	
6. Salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan dalam Perniagaan) atau Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956	
7. Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) @ Sijil Siap Dan Pematuhan (CCC)	
8. Perjanjian Sewa Premis atau Penjanjian Jual Beli Bangunan atau Geran Tanah (Tanah Persendirian)	
9. Satu (1) Salinan Pelan Lokasi Premis	
10. Satu (1) Pelan Lakaran Lantai Premis	
11. Gambar Premis Semasa (Pandangan Hadapan, Pandangan Belakang, Pandangan Dalam Premis dan Pandangan Sisi)(jika lot tepi). Gambar perlu dilekatkan di bahagian Lampiran C1	
12. Visual Papan Iklan beserta ukuran dalam meter persegi dan telah mendapatkan kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dari segi tatabahasa. Visual perlu dilekatkan di bahagian Lampiran C2.	

Senarai Aktiviti Perniagaan Yang Dilesenkan Serta Merta (Tanpa Syarat Khusus)

1. Kedai Aksesori Kereta (Jual Sahaja)
2. Kedai Aksesori Wanita
3. Kedai Alat-alat Sukan
4. Kedai Barang Hiasan/Hiasan Dalaman
5. Kedai Barangan Elektrik/
Alat Hawa Dingin
6. Kedai Barangan Plastik & Pinggan
Mangkuk
7. Kedai Basikal
8. Kedai Bingkai Gambar
9. Kedai Bot/Jet Ski (Jual Sahaja)
10. Kedai Buku dan Alat Tulis
11. Kedai Bunga
12. Kedai Cermin Mata
13. Kedai Dobi (4 Mesin)
14. Kedai Emas
15. Kedai Gambar
16. Kedai Gunting Rambut
17. Kedai Jahit Pakaian
18. Kedai Jam
19. Agen Insuran
20. Kedai Jual Cermin Kereta dan Ekzos
Kereta (Jual Sahaja)
21. Kedai Menjual Ubat Cina/Ubat
Tradisional
22. Kedai Pasu
23. Kedai Komputer
24. Kedai Kraftangan/Cenderamata
25. Kedai Kunci
26. Kedai Mainan Kanak-Kanak
27. Kedai Menjual Permaidani/Cermin
28. Kedai Pakaian/Butik
29. Kedai Perabot (tingkat bawah sahaja)
30. Kedai Peralatan Rumah/Dapur
31. Kedai Fotostat
32. Kedai *Plumbing*
33. Kedai Jahitan
34. Kedai Telefon/Aksesori
35. Pejabat Urusan
36. Kedai Menjual Peralatan Keagamaan
37. Kedai Menjual Peralatan Makmal/
Sainstifik
38. Kedai Kasut
39. Kedai Kelengkapan Bilik Mandi
40. Kedai Perhiasan Lampu (tingkat
bawah sahaja)
41. Kedai Andaman Pengantin
(tanpa perkhidmatan urut)
42. Kedai Akuarium
43. Pusat Senaman/Aerobik
44. Kedai Menjual Jubin
45. Kedai Bahan-Bahan Besi atau Logam
46. Kedai Menjual Kereta/Motosikal Baru
47. Studio Muzik/Rakaman
48. Kedai Kosmetik
49. Iklan/Papan Iklan Tidak Bercahaya/
Papan Tanda Premis (kurang 8 meter
persegi). Tambahan 1 meter persegi
atau sebahagiannya
50. Iklan/Papan Iklan Bercahaya/Papan
Tanda Premis (kurang 8 meter
persegi). Tambahan 1 meter persegi
atau sebahagiannya

Senarai Aktiviti Perniagaan Yang Dilesenkan Serta Merta (Dengan Syarat Khusus)

Bil.	Senarai Aktiviti	Syarat-Syarat Tambahan
1.	Kedai Ais krim/Kedai Kek	• Salinan Surat Pemeriksaan Doktor dan Suntikan TY2
2.	Restoran/Kedai Makan/Kafe (1 unit & tingkat bawah sahaja bagi lot kedai)	• Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan • Gambar Perangkap Minyak atau Lemak Di Sinki dan Tempat Membasuh Peralatan Penyediaan Makanan • Salinan Perkhidmatan Kawalan Makhluk Perosak dan Pembawa Penyakit Daripada Panel Yang Berdaftar Dengan Pihak Majlis
3.	Kedai Produk Kesihatan/Makanan Kesihatan	• Salinan Perkhidmatan Kawalan Makhluk Perosak dan Pembawa Penyakit Daripada Panel Yang Berdaftar Dengan Pihak Majlis
4.	Kedai Kawalan Serangga (Jual Sahaja)	• Lesen untuk menjual racun makhluk perosak (Jabatan Pertanian Malaysia)
5.	Kedai Runcit/Pasar Mini	• Salinan Perkhidmatan Kawalan Makhluk Perosak dan Pembawa Penyakit Daripada Panel Yang Berdaftar Dengan Pihak Majlis

Kadar Fi Lesen

- Tertakluk kepada Jadual Kedua dan Ketiga Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Subang Jaya 2007)
(Rujuk laman web MPSJ untuk UUKPTP&P MPSJ2007)
- Kadar cagaran lesen perniagaan dan iklan yang dikenakan adalah jumlah yang sama dengan bayaran lesen perniagaan.

Syarat-Syarat Visual Iklan

- Visual iklan premis dilesenkan dibawah Undang-Undang Kecil Iklan MPSJ 2007
- Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana bahasa lain. UUKI 3 (1)
- Penggunaan Bahasa Kebangsaan berukuran 30% lebih besar, diutamakan dari segi kedudukan dan ditunjukkan/ dipamerkan dengan lebih jelas dari segi visual berbanding bahasa-bahasa lain. UUKI 3 (2)
- Penggunaan Bahasa Kebangsaan hendaklah dengan ejaan dan nahu yang betul
- Jika perniagaan bukan didaftarkan dalam Bahasa Kebangsaan, ia tidak perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, iklan tersebut hendaklah menyatakan aktiviti nya di dalam Bahasa Kebangsaan
- Sila catatkan nombor rujukan kelulusan iklan di penjuru bawah sebelah kanan papan iklan
- Pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka mengenai tatabahasa yang digunakan di dalam visual iklan.

Contoh Lakaran Visual Iklan



Carta Alir Pemohonan



Syarat- Syarat Pematuhan

Pemegang Lesen wajib mematuhi syarat-syarat pematuhan lesen perniagaan yang ditetapkan oleh Majlis. Sila layari www.mpsj.gov.my untuk memuat turun dan semakan syarat-syarat pematuhan lesen perniagaan dan iklan yang lengkap.

Sebarang pertanyaan sila hubungi

Pusat Panggilan (*Call Centre*)

03 8024 7700

Jabatan Pelesenan : 03 8026 3173

Emel : mps@mps.gov.my

www.mps.gov.my



MPSubangJaya

Majlis Perbandaran Subang Jaya

Persiaran Perpaduan, USJ 5, 47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Februari 2016



MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA



®